




SPRESI SENI: Pameran Lukisan Di Maybank oleh Pelajar -pelajar IPT.



UNIK DAN TERSENDIRI: Sebahagian dari lukisan yang dihasilkan.

Derita Palestin atas kanvas

Empat pelajar paparkan cerita kebangsaan menerusi garapan inspirasi dalam lukisan

leh Seri Intan Othman

PERANG dan Damai (War & Peace), apakah erti sebenarnya. Khususnya bagi kalangan pelajar universiti yang baru saja mengenal erti sebenar kehidupan selepas berhempas ulas memerlukan otak menimba ilmu alam bidang seni lukis.

Setiap daripada mereka pastinya mempunyai ilham tersendiri untuk igarapkan dalam sebuah lukisan menggunakan apa juga ilham berandarkan sumber inspirasi masing-masing.

Bagi Baktiar Naim Jaafar, 24, dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) karnanya berilhamkan perperangan antara 'alestin dan Israel yang mana begitu amai rakyat tidak berdosa terkorban ejak sejauh lama.

Amat menyediakan, katanya, kerana

yang menjadikan kesengsaraan turut berlaku tanpa nampak penghujungnya, walaupun dalam bentuk bayangan.

Warna merah, ibarat api peperangan yang membawa, manakala biru untuk laut dan langit yang tidak pernah kenal erti jemu untuk menjadi saksi kepada kekejaman Israel.

Saban hari, kematian demi kematian terus menerus berlaku seolah-olah itulah menu harian penduduk negara yang sebegini malang itu.

Bertambah lagi kesedihan apabila melihat Afghanistan dan Iraq turut menjadi mangsa kekejaman Amerika yang menggelar diri mereka polis dunia.

Untuk itu, Baktiar menggunakan metafora sebagai melahirkan kesedihannya itu dengan menggunakan campuran cat minyak, akrilik, arang dan pensel warna di kain kanvasnya.

Azamnya untuk menjadi pelukis

pung yang berasal dari Bukit Raja Klang ini mempamerkan dua lukisannya di Balai Seni Lukis Maybank untuk mengutip derma bagi membantu golongan memerlukan.

Seorang lagi pelajar, Mohd Fazli Othman, 24 juga dari UiTM menyifatkan tema perang dan damai itu sebagai amat penting untuk dihayati oleh rakyat negara ini yang aman damai. Ini penting bagi memastikan generasi muda memahami apa erti sebenar kehidupan yang tidak menentu, ketika berlaku perperangan.

Berasal daripada Jitra Kedah, Fazli menjadikan pelukis Hamid Shuib dari kumpulan Mata Hati sebagai mentornya. Dia juga mempamerkan dua lukisan yang setiap satu berharga RM750.

Bagi Ang Hoi Lee, 21, pelajar Lim Kok Wing Institute, amat bertuah ker-

terjual pada harga melebihi RM4,000 tiap satu.

"Bukan saja satu pencapaian memberangsangkan tetapi ini dijadikan sebagai sandaran untuk saya melangkah lebih jauh pada masa depan," katanya.

Keistimewaan lukisan Ang terletak kepada konsep abstraknya yang memaparkan warna ceria seperti merah, kuning dan hitam.

Salmah Ali, 29 yang kini giat melukis sebagai sumber mata pencarian utama selepas menamatkan pelajaran di UiTM sejak lima tahun lalu.

Berasal dari Kuala Lipis, dia adalah antara pelukis wanita yang begitu gigih menghasilkan karya termasuk pelbagai bentuk arca yang menunjukkan kesengsaraan perang dalam erti kata sebenar.

Pameran sebulan ini memaparkan 40 lukisan setiap hari dari jam 9 pagi



“Bukan saja satu pencapaian memberangsangkan tetapi ini dijadikan sebagai sandaran untuk saya melangkah lebih jauh pada masa depan”

Ang Hoi Lee
Pelajar Lim Kok Wing